

0764

U 8222 BAH  
PARLIMEN - AGAMA

KUALA LUMPUR, 21 JUN (BERNAMA) - - PERDANA MENTERI HARI INI BERKATA, SEBUAH MAJLIS BERSAMA ANTARA WAKIL-WAKIL AGAMA TERMASUK AGAMA ISLAM TIDAK PERLU DITUBUHKAN UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH KEHARMONIAN BERAGAMA DI NEGARA INI.

+KITA MEMPUNYAI MAJLIS PERPADUAN NEGARA YANG TURUT DIWAKILI OLEH WAKIL-WAKIL PELBAGAI AGAMA UNTUK MENYELESAIKAN SEBARANG MASALAH DAN MENJAMIN KEHARMONIAN YANG ADA+, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD.

SEMASA MENJAWAB SOALAN ENCIK LEE LAM THYE (CBN-BUKIT BINTANG) DI DEWAN RAKYAT BELIAU BERKATA, DIALOG ANTARA KUMPULAN-KUMPULAN INI JUGA TIDAK PERLU DIADAKAN KERANA IA TIDAK AKAN MENYELESAIKAN SEBARANG MASALAH.

KATANYA, SETIAP AGAMA MEMPUNYAI FAHAMAN DAN KEPERCAYAAN YANG BERBEZA DAN ADALAH SUKAR UNTUK MEREKA MENCAPAI SATU PERSEFAHAMAN TERHADAP SESUATU PERKARA DALAM SESEBUAH DIALOG SEBALIKNYA MUNGKIN MENIMBULKAN PERTENTANGAN YANG TIDAK MUNGKIN DAPAT DISELESAIKAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA KERAJAAN SENTIASA BERSIKAP TERBUKA MENDENGAR SEBARANG PENDAPAT DARIPADA SETIAP KUMPULAN AGAMA SESUAI DENGAN PERLEMBAGAAN NEGARA YANG MENJAMIN KEBEBASAN BERAGAMA, -- LAGI.

1853MST 21 06 90

0767

U 8225 BAH  
PARLIMEN - AGAMA'2 KUALA LUMPUR

SEMASA MENJAWAB SOALAN ASAL, ENCIK LIM KIT SIANG (DAP-TANJONG), PERDANA MENTERI BERKATA, PERTEMUAN BELIAU DENGAN MAJLIS PERUNDINGAN AGAMA-AGAMA BUDDHA, KRISTIAN, HINDU DAN SIKH APRIL LEPAS MEMBERI PELUANG KEPADA BELIAU MENERANGKAN PENDIRIAN KERAJAAN TERHADAP ISU-ISU YANG BERKENAAN.

KATANYA, MEREKA DAPAT BERBINCANG SECARA HATI KE HATI MENGENAI ISU-ISU DAN MASALAH YANG TIDAK DISENANGI OLEH MAJLIS ITU.

+SAYA TELAH MENEGASKAN KEPADA MAJLIS ITU BAHAWA KERAJAAN SENTIASA MEMANDANG BERAT TERHADAP SEBARANG MASALAH YANG TIMBUL DAN SENTIASA SERIUS DENGAN USAHA MENGATASI MASALAH TERSEBUT+, TAMBAHNYA.

DALAM MASA YANG SAMA KERAJAAN BERHARAP MAJLIS ITU DAPAT MEMAHAMI KEADAAN YANG WUJUD AGAR SEMUA PIHAK DAPAT HIDUP DENGAN AMAN DAN HARMONIS.

DATUK SERI DR MAHATHIR BAGAIMANAPUN ENGGAN MENGULAS SECARA TERPERINCI PERKARA-PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH MAJLIS ITU +KERANA IA AKAN MEMBUKA ISU-ISU YANG SENSITIF YANG TIDAK HARUS DIBAHASKAN OLEH RAKYAT BERBILANG AGAMA DI NEGARA INI+.

+RUSUHAN AGAMA TIDAK BERLAKU DI NEGARA INI DAN PERBAHASAN TENTANG ISU-ISU AGAMA OLEH MASYARAKAT UMUM TIDAK AKAN MENOLONG MENGEKALKAN KESTABILAN NEGARA+, KATANYA.

KEPADA SOALAN DR GOH CHENG TEIK (BN-NIBONG TEBAL), PERDANA MENTERI BERKATA, KERAJAAN TELAH MENYEDIAKAN SALURAN-SALURAN RASMI MEMBOLEHKAN WAKIL-WAKIL PELBAGAI KUMPULAN AGAMA MENYALURKAN PANDANGAN DAN TEGURAN MEREKA.

+YANG DIKHUATIRI IALAH CAMPUR TANGAN POLITIK YANG MENGGUNAKAN KUMPULAN AGAMA SEBAGAI ALAT Mencari POPULARITI+, KATANYA. -- BERNAMA.  
1901MST 21 06 90